

11 JUN 2003

I

PERDANA MENTERI TURKI LAWAT MALAYSIA MULAI JUMAAT

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan, dijadual tiba Jumaat ini untuk lawatan rasmi tiga hari bagi mengukuhkan dan meningkatkan hubungan dua hala.

Beliau akan diiringi isterinya, Ermine Erdogan, serta rombongan 200 orang termasuk menteri, anggota parlimen dan ahli-ahli perniagaan, demikian menurut kenyataan Kementerian Luar di sini hari ini.

Erdogan akan menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama serta isu serantau dan antarabangsa, kata kenyataan itu.

Pemimpin Turki itu juga akan menghadiri satu forum perniagaan anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia bersama dengan Jabatan Hubungan Ekonomi Luar Turki.

-- BERNAMA

NN KHY MAI